

ELEMEN-ELEMEN PENTING DALAM PORTAL PENDIDIKAN

NORAINI BINTI MOHAMED NOH

DISERTASI YANG DIKEMUKAKAN INI UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MULTIMEDIA)

FAKULTI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2004

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya

21Mei 2004

NORAINI BT MOHAMED NOH
200100263

PENGHARGAAN

Asalamuaikum w.t.h

Dengan rasa rendah diri saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaNya saya dapat menyempurnakan kajian ini. Dalam kesempatan yang ada ini saya dengan rasa hormatnya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada En. Sulaiman bin. Sarkawi selaku penyelia yang tidak pernah jemu meluangkan masa dan tenaga memberi tunjuk ajar, galakkan bukan sahaja dari peringkat awal malahan sehingga penulisan dan semakan tesis ini. Dengan bimbingan beliau tesis ini berjaya disiapkan.

Ucapan terima kasih juga dikalungkan untuk teman-teman saya Hani Merylina, Saadiah, Fazlina, yang sentiasa membantu dan berganding bahu ketika menjalankan kajian. Tidak ketinggalan kepada teman-teman sekerja saya Azlina, Adi, Haniza, Supiah, Azah yang sentiasa menyuntik semangat agar saya sentiasa dalam ketabahan sewaktu mengharungi kehidupan.

Penghargaan dan terima kasih ini saya imbaukan juga buat anggota keluarga saya yang dikasihi. Teristimewa buat suami tersayang, kekanda Mohd Sujang B. Ahmad Zaini yang sentiasa memahami impian saya dan sentiasa bersabar lantaran kesibukan saya menyiapkan kajian ini. Juga buat anakanda-anakanda tercinta Amy Syah Faiz dan Farah Aqila yang kini mulai memahani erti kehidupan dan pengorbanan.

Akhir kalam ucapan terima kasih saya kalungkan kepada kedua ibu bapa saya Ayahanda Mohamed Noh dan Bonda Musripah yang tidak pernah lupa mendoakan kejayaan dan kesejahteraan kami sekeluarga.



ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui elemen-elemen penting yang diperlukan pelajar bagi membantu proses pembelajaran. Data dikumpul melalui soal selidik dan dianalisis dengan menggunakan *Statistical Package for The Social Science* (SPSS). Nilai min digunakan untuk menentukan aras kepentingan setiap elemen yang dikaji. Kajian ini dijalankan ke atas 380 orang pelajar-pelajar ijazah sarjana muda di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Sebanyak 47 elemen yang meliputi elemen-elemen keperluan kursus, komunikasi, penilaian dan capaian maklumat telah dikaji untuk menentukan sejauh mana kepentingan elemen-elemen tersebut dalam portal pendidikan. Hasil kajian ini mendapati elemen-elemen yang dikatakan “sangat penting” adalah Jadual Peperiksaan, Nota Kuliah, Jadual Ujian, Keputusan Peperiksaan, Contoh Skema Pemarkahan, Direktori Utama Internet, Bank Soalan, Berita Pendidikan Semasa, Modul Pembelajaran, Rekod Pencapaian Prestasi, Pendaftaran Kursus Secara Atas Talian, Kuiz Atas Talian, Pengguguran Kursus Secara Atas Talian, Penambahan Kursus Secara Atas Talian, Slip Markah Untuk Diket, Markah Ujian dan Makluman Dari Universiti. Manakala elemen-elemen yang dikatakan “penting” pula adalah Sukatan Kandungan Kursus, Jadual Perlaksanaan Kursus, Sinopsis Kandungan Kursus, Perkhidmatan Mencetak Terus Dari Portal, Senarai Buku-Buku Rujukan, Muat Naik Dan Muat Turun Fail (*FTP*), Senarai Buku Teks, Bahan Pembelajaran Berbentuk Grafik, Bahan Pembelajaran Berbentuk Video, Bahan Pembelajaran Berbentuk Audio, Mel Elektronik (*e-mail*), Senarai E-mail Pensyarah, Senarai Talian Telefon Pensyarah, Laman Sembang (*chat*), Papan Buletin (*bulletin board*), Kumpulan Senarai Mel (*Mailing list*), Soalan Tugas Kursus, Markah Serta Merta Bagi Kuiz Objektif, Pautan Ke Perpustakaan Universiti-





v

Universiti Tempatan, Pautan Ke Alamat Web-Web Rujukan, Pautan Ke Bahagian Biasiswa & Pinjaman, Enjin Gelintaran Dalam Portal, Pautan Ke Kementerian Pendidikan Malaysia, Pautan Ke Laman Web Fakulti–Fakulti, Enjin Gelintaran Utama dan Pautan Ke Perpustakaan Universiti. Seterusnya kajian mendapati terdapat perbezaan elemen-elemen yang dikatakan “sangat penting”, “penting” dan ‘kurang penting” antara responden tahap pengetahuan internet tinggi dengan responden tahap pengetahuan internet rendah. Hasil kajian ini diharap dapat dijadikan panduan kepada pembangun portal untuk membangunkan portal pendidikan yang dapat memenuhi keperluan kumpulan sasaran terutamanya pelajar-pelajar universiti.





ABSTRACT

This research was conducted to identify the important elements required by students in an education portal. Questionnaires were used as a tool to collect data analyzed using Statistical Package for The Social Sciences (SPSS). The min value was used to identify the level of importance for each research element. 380 degree students at Universiti Pendidikan Sultan Idris were given the questionnaires. There were 47 research elements covering topics for course needs, communications, evaluation, and information retrieval that should be available in an education portal. The results indicated the “very important” elements in an education portal are examination timetable, course notes, test schedules, examination results, marking scheme examples, main Internet directories, question banks, current education news, learning modules, performance records, on-line course registration, on-line quizzes, on-line dropping of courses, on-line adding of courses, examination slips which can be printed out, test marks, and university news updates. The “important” elements are course syllabi, course implementation schedules, course content synopsis, direct print facility from portal, list of reference books, uploading and downloading of files as in File Transfer Facility (FTP), lists of text books, graphical learning materials, video learning materials, audio learning materials, electronic mails, lecturers email list, lecturers telephone list, chat rooms, bulletin boards, mailing groups, course assignment questions, instant quiz marks, local university library links, links to reference webs, links to Scholarship and Loans Department, portal search engines, link to Malaysian Ministry of Education, links to faculties’ websites, main search engines, and link to the university library. This research indicated that there are significant differences between the “very important”, “important”, and “less





important” elements among respondents who have high levels of Internet knowledge and those with minimal Internet knowledge. The results of this research should be able to guide education portal developers to build education portals satisfying the needs of the target groups especially those of the university students.





DAFTAR KANDUNGAN

Muka Surat

PENGHARGAAN	-	-	-	-	-	-	-	iii
ABSTRAK	-	-	-	-	-	-	-	iv
ABSTRACT	-	-	-	-	-	-	-	vi
DAFTAR KANDUNGAN	-	-	-	-	-	-	-	viii
SENARAI JADUAL	-	-	-	-	-	-	-	xii
SENARAI LAMPIRAN	-	-	-	-	-	-	-	xiv

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0	Pengenalan	-	-	-	-	-	1
1.2	Latar Belakang Kajian	-	-	-	-	-	1
1.3	Penyataan Masalah	-	-	-	-	-	3
1.4	Rasional Kajian	-	-	-	-	-	5
1.5	Tumpuan Kajian	-	-	-	-	-	6
1.6	Batasan Kajian	-	-	-	-	-	7
1.7	Persoalan Kajian	-	-	-	-	-	7
1.8	Hipotesis	-	-	-	-	-	11
1.9	Kepentingan Kajian	-	-	-	-	-	12
1.10	Definasi Istilah	-	-	-	-	-	12



BAB 2

TINJAUAN LITERATUR

2.0	Pengenalan	-	-	-	-	-	15
2.1	E-Learning Di Malaysia	-	-	-	-	-	15
2.2	Portal Pendidikan Sebagai Platform Pembelajaran	-	-	-	-	-	18
2.3	Sistem Pengurusan Pembelajaran	-	-	-	-	-	20
2.4	Perkhidmatan Komunikasi Dalam Pembelajaran	-	-	-	-	-	21
2.4.1	Mel Elektronik	-	-	-	-	-	22
2.4.2	Laman Sembang	-	-	-	-	-	23
2.4.3	Kumpulan Berita	-	-	-	-	-	24
2.4.4	Senarai Mel	-	-	-	-	-	24
2.4.5	Sidang Video	-	-	-	-	-	25
2.4.6	Sidang Audio	-	-	-	-	-	26
2.4.7	Forum	-	-	-	-	-	26
2.5	Gedung Maklumat	-	-	-	-	-	28
2.6	Injin Gelintaran	-	-	-	-	-	28
2.7	Konsep Interaktif Dalam Pembelajaran	-	-	-	-	-	29
2.8	Perpustakaan Maya	-	-	-	-	-	30
2.9	Anjakan Paradigma Pelajar	-	-	-	-	-	31
2.10	Penilaian Secara Atas Talian	-	-	-	-	-	32
2.11	Muat Naik Dan Muat Turun Fail	-	-	-	-	-	33
2.12	Kesimpulan	-	-	-	-	-	33

BAB 3

METODOLOGI

3.0	Pengenalan	-	-	-	-	-	35
3.1	Kaedah Kajian	-	-	-	-	-	35
3.2	Reka Bentuk Kajian	-	-	-	-	-	36
3.3	Persempelan	-	-	-	-	-	37
3.4	Alat Kajian	-	-			-	40
3.5	Membentuk Item Soal Selidik-			-	-	-	41
3.6	Ujian Rintis				-	-	41
3.7	Kadar Tindak Balas Terhadap Soal Selidik	-			-	-	43
3.8	Menganalisis Data	-	-	-	-	-	44

BAB 4

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.0	Pengenalan-	-	-	-	-	-	47
4.1	Responden Mengikut Fakulti	-		-	-	-	47
4.2	Responden Mengikut Program			-	-	-	48
4.3	Menggunakan Portal	-		-	-	-	50
4.4	Tahap Pengetahuan Internet	-		-	-	-	51
4.5	Elemen-Elemen Keperluan Kursus	-		-	-	-	55
4.6	Elemen-Elemen Komunikasi	-		-	-	-	63
4.7	Elemen-Elemen Penilaian	-		-	-	-	68
4.8	Elemen-Elemen Capaian Maklumat	-		-	-	-	72
4.9	Pengetahuan Internet Mengikut Fakulti			-	-	-	76
4.10	Kepentingan Elemen-Elemen Mengikut Responden Tahap Pengetahuan Internet Berbeza-			-	-	-	78

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.0	Pengenalan	-	-	-	-	-	-	85
5.1	Perbincangan Kajian	-	-	-	-	-	-	85
5.1.1	Elemen-Elemen “sangat penting”, ”penting” dan “kurang penting”	-	-	-	-	-	-	87
5.1.2	Tahap Pengetahuan Internet	-	-	-	-	-	-	90
5.2	Cadangan	-	-	-	-	-	-	92
5.3	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	-	-	-	-	-	-	93
5.5	Kesimpulan	-	-	-	-	-	-	94

RUJUKAN	-	-	-	-	-	-	-	96
---------	---	---	---	---	---	---	---	----

LAMPIRAN	-	-	-	-	-	-	-	101
----------	---	---	---	---	---	---	---	-----

Lampiran A

Lampiran B

**SENARAI JADUAL**

Jadual		muka surat
Jadual 3.1:	Bilangan Responden Mengikut Fakulti dan Progam -	39
Jadual 3.2:	Jadual Skala Pentaksiran Min Tahap Pengetahuan Interet	44
Jadual 3.3:	Aras Kepentingan Elemen Mengikut Taksiran Skala Min	45
Jadual 4.1:	Bilangan Responden Mengikut Fakulti - -	48
Jadual 4.2:	Peratusan Responden Mengikut Program - -	49
Jadual 4.3:	Kekerapan Responden Pernah Guna Portal -	50
Jadual 4.4:	Pengetahuan Dalam Aplikasi-Aplikasi Internet -	54
Jadual 4.5:	Kekerapan Kepentingan Elemen-Elemen Keperluan Kursus - - - - -	61
Jadual 4.6:	Kekerapan Kepentingan Elemen-Elemen Komunikasi	67
Jadual 4.7:	Kekerapan Kepentingan Elemen-Elemen Penilaian -	71
Jadual 4.8:	Kekerapan Kepentingan Elemen-Elemen Capaian Maklumat - - - - -	75
Jadual 4.9:	Kekerapan Tahap Pengetahuan Internet Mengikut Fakulti - - - - -	77
Jadual 4.10:	Tahap Pengetahuan Internet Responden - -	79
Jadual 4.11:	Elemen-Elemen Sangat Penting Mengikut Pelajar Tahap Internet Tinggi - - - - -	80
Jadual 4.12:	Elemen-Elemen Sangat Penting Mengikut Pelajar Tahap Internet Sederhana- - - - -	81



Jadual 4.13:	Elemen-Elemen Sangat Penting Mengikut Pelajar	
	Tahap Internet Rendah	- - - - 81
Jadual 4.14:	Perbandingan Elemen-Elemen “Sangat Penting” Antara	
	Responden Tahap Internet Tinggi Dan Responden Tahap	
	Internet Rendah	- - - - 82
Jadual 4.15:	Perbandingan Elemen-Elemen “Penting” Antara	
	Responden Tahap Internet Tinggi Dan Responden Tahap	
	Internet Rendah	- - - - 83
Jadual 4.15:	Perbandingan Elemen-Elemen “Kurang Penting” Antara	
	Responden Tahap Internet Tinggi Dan Responden Tahap	
	Internet Rendah	- - - - 84



SENARAI LAMPIRAN

Lampiran A

Borang Soal Selidik

Lampiran B

Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan Daripada

1. Fakulti Sains dan Teknologi
2. Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi
3. Fakulti Bahasa
4. Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia.
5. Fakulti Seni dan Muzik
6. Fakulti Perniagaan dan Ekonomi





BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dalam bab ini menjelaskan latar belakang kajian, pernyataan masalah, tujuan kajian ini dijalankan, batasan kajian, kepentingan kajian dan definisi istilah. Dua persoalan utama dikemukakan untuk mendapatkan jawapan bagi kajian ini.

1.2 Latar Belakang

Perkembangan pendidikan khususnya di institusi pengajian tinggi giat ke arah penggunaan teknologi internet untuk pendidikan. Anjakan ini disebabkan oleh kepercayaan bahawa teknologi kini berupaya mempertingkatkan kecekapan pengurusan pendidikan dan penyampaian pengajaran serta proses pembelajaran. Walau bagaimanapun sehingga kini bukti yang menyokong anggapan ini masih kurang jelas (Reeves, 1997).



Penggunaan web pendidikan merupakan satu fenomena baru dalam lanskap maklumat universiti kini kian rancak digunakan oleh para akademik bagi menyokong pengajaran sesuatu kursus yang dijalankan secara bersemuka mahupun secara maya. Web pendidikan boleh dilihat sebagai alat sokongan bagi pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan di universiti. Misalnya penggunaan WebCt telah digunakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris dalam membantu proses pembelajaran pelajar. Penggunaan WebCT ini dikatakan dapat membantu instruktur menyampaikan maklumat, nota kuliah tambahan, arahan dan tugas kepada pelajar atau berinteraksi dua hala dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Goldberg, 1997).

Menurut Mansor (2003), Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah berjaya merevolusikan pendidikan, khususnya melalui pendidikan jarak jauh dan melalui ICT institusi pendidikan boleh membangunkan satu sistem pembelajaran yang fleksible serta berorientasikan pelajar. Sejajar dengan perkembangan ICT ini kini, penyelidik mendapati portal pendidikan dikatakan boleh menjadi medium untuk memberi kepuasan kepada pelajar dalam membuat rujukan. Sebagaimana menurut Bailey (2002), portal pendidikan bertindak sebagai pusat hentian laman web yang membolehkan pengguna mencari hampir kesemua bahan dalam internet mengikut subjek tertentu hanya di satu tempat. Begitu juga menurut Asalina (2003), portal bertindak sebagai *gateway* iaitu gerbang utama atau pusat perhentian pengguna Internet.

Selain itu ciri-ciri dan peranan portal juga dikatakan dapat membantu proses pembelajaran. Menurut Asalina (2003), di universiti portal pendidikan yang dibangunkan bertemakan portal komuniti yang dikhususkan untuk masyarakat pendidik dan pelajar di dalam dan di luar kampus menggunakannya sebagai *platform* kepada ahli komuniti untuk berkongsi ilmu, maklumat dan pengetahuan melalui aplikasi-aplikasi yang ditawarkan. Di dalamnya terdapat forum perbincangan, laman sembang, perkongsian artikel dan pendapat, perhidmatan pesanan ringkas (SMS), mesej peribadi, enjin carian dan sumber rujukan percuma.

Oleh itu sebagai pelengkap kepada persekitaran e-pembelajaran, portal pendidikan yang dibangunkan harus mamapu memenuhi keperluan proses pembelajaran pelajar serta memberi ruang untuk berinteraksi antara pelajar dengan pelajar, pelajar dengan tutor dan pelajar dengan pakar rujuk.

1.3 Pernyataan masalah

Salimah (2002), portal pendidikan adalah salah satu komponen yang penting dalam e-pembelajaran dan kebanyakan universiti di Malaysia ini telah membangunkan portal dengan tujuan membantu mengurus pembelajaran pelajar-pelajar mereka. Walaupun kini terdapat beberapa portal pendidikan di Malaysia seperti Cikgu.Net dan Tutor.Com, namun belum diketahui lagi adakah kesemua elemen dalam portal pendidikan itu penting kepada pelajar.

Mengikut kajian yang dijalankan oleh Irfan (2003), walaupun banyak web pendidikan di Malaysia yang bermutu tetapi banyak lagi yang perlu diperbaiki termasuk aspek isi kandungan, ketepatan maklumat, objektifnya, liputan yang dipaparkan serta aspek teknikal dan penyuntingannya memerlukan kerja sepasukan. Beliau juga mendapati laman web pendidikan di Malaysia ini menggunakan tahap akademik yang umum seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM):

Kajian-kajian yang lepas (Irfan,2003; Marinah & Ramlee, 2003; Razmah, 2003), didapati lebih cenderung mengkaji tentang isi kandungan dan aspek teknikal dalam portal Pendidikan. Amat kurang sekali kajian-kajian tentang elemen-elemen yang perlu ada di dalam sebuah portal pendidikan mengikut keperluan pelajar. Adakah elemen-elemen yang sedia ada dalam portal pendidikan telah memenuhi keperluan pelajar? Begitu juga elemen-elemen yang terdapat dalam WebCT di UPSI, sehingga kini tidak diketahui lagi sama ada elemen-elemen yang ditawarkan di dalam WebCT itu penting ataupun pelajar memerlukan tambahan elemen-elemen penting yang lain bagi membantu proses pembelajaran mereka. Oleh yang demikian usaha membangunkan portal pendidikan yang lengkap dan sempurna memerlukan kajian yang mendalam serta meluas untuk memahami keperluan pengguna dan diikuti oleh perancangan yang rapi (Salimah, 2002). Secanggih mana sekalipun media yang digunakan tidak akan bererti sekiranya maklumat yang ingin disampaikan tidak dapat menepati keperluan pelajar.

".....kita perlu memberi fokus kepada keperluan pembelajaran dan bukannya kewujudan ICT itu sendiri, walaupun ICT telah memberi sumbangan besar ke arah ke arah pembentukan persekitaran, tetapi perannya masih sebagai alat di dalam mencapai matlamat pembelajaran itu sendiri. Sehubungan itu penggunaan ICT seharusnya berdasarkan "fit-for-purpose" dan perlu menjurus ke arah persekitaran pembelajaran yang menyeluruh (a complete learning enviroment)"

Mansor (2003)

Sesiapa sahaja boleh membangunkan portal pendidikan tanpa penyuntingan yang terancang tetapi pengguna hari ini sering kali mempersoalkan kandungan portal pendidikan yang digunakan dan sejauh mana portal pendidikan itu dapat membantu proses pembelajaran pelajar. Seharusnya pembina portal pendidikan mempunyai satu garis panduan dalam menentukan elemen-elemen sangat penting, kurang penting dan tidak penting agar sesuai untuk digunakan khususnya sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran.

1.4 Rasional Kajian

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti elemen-elemen yang diperlukan oleh pelajar-pelajar dalam portal pendidikan. Wujudnya penggunaan portal pendidikan di hampir kesemua institusi pengajian tinggi di Malaysia ini adalah satu perkembangan baru. Sehingga kini tiada lagi satu garis panduan yang dicadangkan bagi merekabentuk kandungan portal pendidikan.

Meskipun merekabentuk portal pendidikan ini memerlukan kretiviti yang subjektif tetapi sebenarnya kita perlu ada satu garis panduan supaya portal pendidikan yang dibangunkan itu nanti tidak akan mengecewakan pelajar dan seterusnya dapat mengekalkan motivasi pengunjung menggunakannya dalam proses pembelajaran mereka. Sehubungan itu hanya pengguna portal sahaja yang tahu apa yang mereka perlukan dalam proses pembelajaran secara e-pembelajaran. Oleh yang demikian, dengan adanya kajian ini akan dapat dikenalpasti aras kepentingan setiap elemen dalam kandungan portal yang diperlukan bagi pelajar-pelajar. Elemen-elemen yang telah dikenalpasti itu boleh digariskan sebagai panduan kepada pembangun-pembangun portal pendidikan dalam usaha ke arah e-pembelajaran.

1.5 Tumpuan Kajian

Pengkaji ingin mengetahui elemen-elemen penting dalam portal pendidikan pada tanggapan pelajar khususnya pelajar peringkat ijazah sarjana muda. Pengkaji memilih Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai lokasi bagi pemilihan sampel kerana universiti ini menggunakan WebCT untuk membantu proses pembelajaran. Pengkaji juga cuba mengetahui tahap pengetahuan internet responden dan mengenalpasti kemungkinan adanya perbezaan pandangan terhadap kepentingan elemen diantara responden yang berbeza tahap pengetahuan internet.

1.6 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini pengkaji hanya berpusatkan kepada pelajar-pelajar ijazah pertama yang mendaftar kursus di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Kajian ini dijalankan dalam tempoh Disember 2003 hingga Mac 2004. Pengkaji membataskan kajian ini dengan hanya mengkaji elemen-elemen yang berkaitan dengan keperluan kursus, komunikasi, penilaian dan capaian maklumat dalam portal pendidikan.

1.7 Persoalan Kajian

Kajian ini menghuraikan dua persoalan utama yang ingin diketahui oleh penyelidik iaitu:

- 1.7.1 Apakah elemen-elemen “sangat penting”, “penting”, “kurang penting” dan “tidak penting” untuk pelajar-pelajar peringkat ijazah sarjana muda di UPSI?
- 1.7.2 Adakah terdapat perbezaan kepentingan elemen-elemen portal pendidikan antara pelajar tahap pengetahuan internet tinggi dengan pelajar tahap pengetahuan internet rendah?

Untuk menjawab persoalan utama di atas, beberapa persoalan kecil perlu dijawab bagi membantu pengkaji membuat analisis data dan seterusnya dapat merumuskan dapatan kajian.

Latar belakang dan pengetahuan internet responden

1. Adakah responden mempunyai komputer di rumah?
2. Adakah responden pernah menggunakan portal pendidikan?
3. Adakah responden tahu kegunaan Laman Sembang (*Chat*)?
4. Adakah responden tahu kegunaan Papan Buletin (*bulletin board*)?
5. Adakah responden tahu kegunaan Mel Elektronik (*E-mail*)?
6. Adakah responden tahu kegunaan Forum?
7. Adakah responden tahu kegunaan Kumpulan Berita (*news group*)?
8. Adakah responden tahu kegunaan Sidang video (*video conferencing*)?
9. Adakah responden tahu kegunaan Sidang Audio(*audio conferencing*)?
10. Adakah responden tahu kegunaan Senarai Mel (*mailing list*)?
11. Adakah responden tahu Muat Naik dan Muat Turun fail (FTP)?
12. Adakah responden tahu kegunaan Enjin Gelintaran (*search enjin*)?

Elemen-elemen penting bagi keperluan kursus dalam portal pendidikan.

1. Adakah elemen Pendaftaran Kursus Secara Atas Talian penting dalam portal pendidikan?
2. Adakah elemen Sinopsis Kursus penting dalam portal pendidikan?
3. Adakah elemen Senarai Buku Rujukan penting dalam portal pendidikan?
4. Adakah elemen Nota Kuliah penting dalam portal pendidikan?
5. Adakah elemen Senarai Buku Teks penting dalam portal pendidikan?
6. Adakah elemen Sukatan Kandungan Kursus penting dalam portal pendidikan?

7. Adakah elemen Modul Pembelajaran penting dalam portal pendidikan?
8. Adakah elemen Jadual Kursus penting dalam portal pendidikan?
9. Adakah elemen Jadual Ujian penting dalam portal pendidikan?
10. Adakah Jadual Peperiksaan penting dalam portal pendidikan?
11. Adakah elemen Perkhidmatan Mencetak Bahan Terus Dari Portal penting dalam portal pendidikan?
12. Adakah perkhidmatan muat naik dan muat turun fail penting dalam portal pendidikan?
13. Adakah elemen Bahan Pembelajaran Berbentuk Audio penting dalam portal pendidikan?
14. Adakah elemen Bahan Pembelajaran Berbentuk Video penting dalam portal pendidikan?
15. Adakah elemen Bahan Pembelajaran Berbentuk Grafik penting dalam portal pendidikan?
16. Adakah elemen Makluman daripada Universiti penting dalam portal pendidikan?
17. Adakah elemen Berita Pendidikan Semasa penting dalam portal pendidikan?

Elemen-elemen penting komunikasi dalam portal

1. Adakah elemen Mel Elektronik (*e-mail*) penting dalam portal pendidikan?
2. Adakah elemen Forum penting dalam portal pendidikan?
3. Adakah elemen Papan Buletin penting dalam portal pendidikan?

4. Adakah elemen Kumpulan Berita (*news group*) penting dalam portal pendidikan?
5. Adakah elemen Laman Sembang (*chat*) penting dalam portal pendidikan?
6. Adakah elemen Senarai Mel (*mailing list*) penting dalam portal pendidikan?
7. Adakah elemen Sidang Video penting dalam portal pendidikan?
8. Adakah elemen Sidang Audio penting dalam portal pendidikan?
9. Adakah elemen Senarai Mel Elektronik Pensyarah penting dalam portal pendidikan?
10. Adakah elemen Senarai Nombor Telefon Pensyarah penting dalam portal pendidikan?

Elemen-elemen penting penilaian dalam portal

1. Adakah elemen Kuiz Atas Talian penting dalam portal pendidikan?
2. Adakah elemen Markah Serta Merta Bagi Kuiz Objektif penting dalam portal pendidikan?
3. Adakah elemen Bank Soalan penting dalam portal pendidikan?
4. Adakah elemen Keputusan Peperiksaan penting dalam portal pendidikan?
5. Adakah elemen Rekod Pencapaian Prestasi responden penting dalam portal pendidikan?
6. Adakah elemen Soalan Tugas Kursus penting dalam portal pendidikan?
7. Adakah elemen Slip Markah penting dalam portal pendidikan?
8. Adakah Contoh Skima Permarkahan penting dalam portal pendidikan?
9. Adakah elemen Jadual Ujian penting dalam portal pendidikan?
10. Adakah elemen Jadual Peperiksaan penting dalam portal pendidikan?

Elemen-elemen penting capaian maklumat dalam portal

1. Adakah elemen Pautan Ke Perpustakaan Universiti penting dalam portal pendidikan?
2. Adakah elemen Pautan Ke Perpustakaan Universiti-Universiti Tempatan penting dalam portal pendidikan?
3. Adakah elemen Pautan Ke Kementerian Pendidikan Malaysia penting dalam portal pendidikan?
4. Adakah elemen Enjin Gelintaran Utama penting dalam portal pendidikan?
5. Adakah elemen Enjin Gelintaran Dalaman penting dalam portal pendidikan?
6. Adakah elemen Pautan Ke Alamat Web-Web Rujukan penting dalam portal pendidikan?
7. Adakah elemen Pautan Ke Bahagian Pinjaman dan Biasiswa penting dalam portal pendidikan?
8. Adakah elemen Pautan Ke Web Fakulti-Fakulti penting dalam portal pendidikan?
9. Adakah elemen Direktori Utama Internet seperti Yahoo penting dalam portal pendidikan?

1.8 Hipotesis nul

- 1.8.1 Tidak terdapat perbezaan signifikan antara tahap pengetahuan internet responden dengan fakulti.

1.8.2 Tiada perbezaan yang signifikan antara tahap pengetahuan internet dengan kepentingan elemen dalam portal.

1.9 Kepentingan Kajian

Portal pendidikan yang diharapkan adalah portal yang dapat menyediakan capaian maklumat yang diperlukan dengan tepat dalam sela masa yang singkat. Dengan adanya kajian ini:

1.9.1 Pembangun portal boleh merujuk kepada hasil dapatan kajian ini untuk dipertimbangkan dalam menyertakan elemen-elemen yang didapati “sangat penting”, “penting” dan “kurang penting” ke dalam portal pendidikan.

1.9.2 Pembangun portal pendidikan perlu membuat kajian keperluan keatas kumpulan sasaran sebenar supaya portal pendidikan yang dibangunkan itu terancang dan yang paling pentingnya dapat memenuhi keperluan pengguna sebenar.

1.10 Definasi Istilah

Bahagian ini akan memperjelaskan beberapa definasi konsep yang digunakan dalam kajian ini. Pendefinisian ini akan memudahkan para pembaca mengetahui dan memahami tentang konsep yang digunakan dalam penulisan penyelidikan ini.



1.10.1 Portal

Menurut Kamus Dewan (2002), portal bermaksud gerbang atau pintu besar. Menurut Bailey (2002), semua maklumat yang berguna dikumpul ke dalam satu hentian laman web dan membenarkan pengguna memfokuskan carian serta memaparkan hanya maklumat yang berkaitan dengan apa yang pengguna minta. Bagi tujuan penyelidikan ini portal dianggap sebagai satu lokasi atau tempat di mana maklumat dan perkhidmatan yang diperlukan siap ditapis dan disediakan berdasarkan keperluan responden-responden.

1.10.2 Elemen-elemen



Menurut Kamus Dewan (2002), elemen-elemen bermaksud unsur-unsur dalam sesuatu bahagian daripada keseluruhan atau yang lengkap. Menurut Asalina (2003), di dalam portal terdapat aplikasi-aplikasi yang ditawarkan kepada ahli komuniti berkongsi ilmu, maklumat dan pengetahuan. Bagi tujuan kajian ini elemen-elemen dianggap sebagai semua perkhidmatan yang ditawarkan di dalam kandungan portal. Perkhidmatan-perkhidmatan ini bertujuan untuk kegunaan responden-responden dalam membantu pengurusan pembelajaran mereka.





1.10.3 Penting

Menurut Kamus Dewan (2002), penting bermaksud sangat berguna. Bagi kajian ini sangat penting dianggap sebagai tahap keputusan paling tinggi pada pandangan responden berasaskan pendapat sendiri.

1.10.4 Pendidikan

Menurut Kamus Dewan (2002), pendidikan bermaksud perihal mendidik. Bagi kajian ini pendidikan dianggap sebagai kepelbagaian keperluan yang dapat memberikan responden ilmu dalam proses pembelajaran.



1.10.5 Portal Pendidikan

Menurut Salimah (2002), portal pendidikan bukan sekadar menempatkan silibus dan melambakkan nota-nota kuliah serta rujukan di lokasi yang mudah dicapai oleh responden bahkan tempat untuk mengadakan persekitaran pembelajaran normal dan pertemuan siber. Bagi kajian ini portal pendidikan dianggap sebagai ruang pengajar menyampaikan isi pengetahuan dan pertemuan siber melepasi waktu kuliah bersemuka untuk mewujudkan persekitaran e-pembelajaran yang berkesan. Pelajar boleh mendapatkan maklumat yang tepat dan boleh dicapai dengan mudah.

